

AGENDA 10

**MELULUSKAN PELANTIKAN FIRMA
AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31
DISEMBER 2026**

Mesyyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 10

MELULUSKAN PELANTIKAN FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2026

TUJUAN

Agenda ini adalah untuk mendapatkan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan pelantikan firma audit untuk mengaudit akaun dan menyediakan penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026.

LATAR BELAKANG

2. Lembaga telah melantik Tetuan Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT (ASK) untuk mengaudit akaun dan menyediakan penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan 2025. Kerja-kerja yang dilaksanakan ASK menepati masa dengan yuran audit yang berpatutan. ASK sekali lagi menawarkan diri sebagai juruaudit luar bagi tahun kewangan 2026.
3. Lembaga berpendapat ASK sesuai dilantik semula untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan dan penyediaan penyata kewangan bagi tahun 2026.
4. ASK juga merupakan juruaudit yang berkelayakan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) serta memenuhi syarat-syarat yang terkandung dalam Garis Panduan 26: Garis Panduan Juruaudit Yang Diberi Kelulusan Mengaudit Di Bawah Seksyen 61 Akta Koperasi 1993 (GP26) iaitu:
 - (a) diluluskan mengaudit oleh SKM;
 - (b) mempunyai lesen amal dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA);
 - (c) memperoleh kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 263(4) Akta Syarikat 2016 daripada Perbendaharaan Malaysia; dan
 - (d) berdaftar dengan Lembaga Pemantau Audit (AOB) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

SYOR

5. Sehubungan dengan itu, adalah disyorkan ASK dilantik semula untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan dan penyediaan penyata kewangan bagi tahun 2026.
6. Agenda ini adalah untuk kelulusan perwakilan.

Mesyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**